UPNM telah melancarkan Hari Sedekad sejak penubuhan UPNM pada 10 November 2006. Ini bermakna, UPNM melaksanakan hari rumah terbuka kepada masyarakat sekitar untuk mengenali Universiti ini dengan lebih dekat melalui pelbagai aktiviti yang direncanakan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi Universiti. Fakulti Kejuruteraan telah diamanahkan untuk mengadakan pameran-pameran penyelidikan bagi tujuan mendekatkan masyarakat

dengan produk-produk penyelidikan dan inovasi yang dijalankan oleh Fakulti sepanjang 10 tahun penubuhan UPNM. Dengan megah, Fakulti Kejuruteraan telah memaparkan 38 produk di ruang legar perbincangan pelajar di sekitar Bangunan Bestari dan merupakan Fakulti terbesar yang mempamerkan produk penyelidikan dan inovasi. Antara yang menjadi tumpuan ramai adalah pertama kali Fakulti telah berjaya mencipta pintu gerbang yang menjadi mercu tanda kemegahan Fakulti Kejuruteraan. Pada masa yang sama,

*Pameran sedekad Universiti adalah merupakan satu platform yang baik untuk Fakulti dapat menjalinkan hubungan masyarakat melalui kepakaran yang terdapat di FKJ.*



## IJED juga turut mengadakan pameran cutway senjata berat.

Selain itu, Fakulti turut menjemput Scara Robot dan Humanoid daripada industri untuk mempamerkan produk robotik dan juga menjemput daripada Tim UAV yang menggunakan Depron Foam untuk membina jet dan membuat demo penerbangan.


Penulis mendapati bahawa Scara Robot adalah amat sesuai kepada pelajar Kejuruteraan kerana fungsi kegunaannya adalah sama dengan kegunaan scara robot di industri. Keadaan ini amat baik kepada pelajar yang mempelajari kerana mudah untuk diterima oleh industri sekiranya mempunyai kepakaran mengendalikan scara robot tersebut. Antara produk FKJ yang dipamerkan adalah Race Car, Blast, Car Accident Detector, Virtual Fence dan sebagainya.

Diharap program seumpama ini menjadi titik permulaan kepada pelajar FKJ dan juga staf yang aktif bergiat dalam penyelidikan dan inovasi sentiasa melaksanakan penyelidikan demi kemajuan masyarakat pada masa hadapan.

Fakulti turut menjemput Alumni FKJ untuk hadir bersama dan melihat perkembangan Fakulti Kejuruteraan dan bertukar idea dan buah fikiran bersama pensyarah.

Perancangan untuk mengadakan hari sedekad UPNM adalah merupakan garapan idea daripada Dekan Lt Kol Prof. Ir Mohamad Ghani bin Madersah (B) untuk menjadikan Fakulti Kejuruteraan menjadi fakulti yang mengetuai segala bentuk acara yang dianjurkan oleh Universiti. Justeru, beliau telah mencadangkan untuk melaksanakan pintu gerbang sebagai simbolik kekuatan Fakulti.

Selain itu, atas jalinan kerjasama bersama industri, Fakulti turut memohon daripada Institut Kejuruteraan Tentera Darat atau IJED untuk mengadakan pameran cutway senjata berat bagi memberi pendedahan kepada pelajar berhubung fungsi peralatan senjata dan juga bahan yang diletakkan di dalam bom. Jiwa murni yang ditunjukkan oleh petugas tentera daripada IJED dengan penerangan membuatkan semua pelajar dan masyarakat dapat melihat dan merasai senjata berat serta maklumat berhubung material bom.



# UPNM BLAST RESEARCH TEAM



**UPNM Blast Research team telah di tubuhkan pada tahun 2010 oleh Prof Madya Ir. Dr. Mohammed Alias Yusof dengan di bantu oleh Kol. Prof. Ir. Dr. Norazman dan Prof Madya Lt Kol Arifin Ismail. UPNM Blast research team terdiri daripada gabungan pensyarah dan juga juruteknik fakulti kejuruteraan.**



**O**bjektif utama penubuhan Blast research team ialah untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan ujian letupan di UPNM. Sehingga kini UPNM blast research team bergiat aktif menjalankan kerja kerja ujian letupan bagi projek projek penyelidikan di UPNM dan juga memberikan khidmat menguji bahan yang berkaitan dengan letupan.

Diantara projek projek yang utama yang telah di jalankan oleh UPNM Blast Research Team ialah membangunkan konkrit tahan letupan dan juga menjalankan ujian keatas Kaca tahan letupan. konkrit bahan telah memenangi pingat Perak di PECEIPTA Kuala Lumpur pada tahun 2010 dan pada tahun yang sama telah memenangi anugerah ASEAN Honorary Award di Singapura di dalam bidang ;pembangunan sistem instrumentasi ujian letupan.

pada tahun 2010 dan pada tahun yang sama telah memenangi anugerah ASEAN Honorary Award di Singapura di dalam bidang ;pembangunan sistem instrumentasi ujian letupan.

Anugerah ASEAN Honorary Award di Singapura " Development of Field blast testing measurement system oleh National Instruments USA . Hasil kajian penyelidikan dan konkrit tahan letupan ini juga telah memenangi pingat Gangsa di British Inovation Award, London pada tahun 2015.

Pada tahun 2016 hasil kerja penyelidikan ini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dengan mendapat PATEN yang pertama di UPNM. Sehingga kini UPNM Blast Research Team terus berusaha untuk mendapatkan dana penyelidikan dari Kementerian Pendidikan bagi membangunkan penyelidikan yang berkaitan dengan ujian letupan.



UPNM Blast Research Team telah pun berjaya mendapatkan dana FRGS, LRGS dan juga KTP dengan nilai keseluruhan RM 2 juta bagi tujuan penyelidikan yang berkaitan dengan ujian bahan letupan Hasil usaha kumpulan ini dan di bantu oleh Kol. Prof. Ir. Dr. Norzaman dan juga Lt. Kol. Prof Madya Arifin Ismail dan En. Muhammad Azani Yahya telah membawa kerjasama penyelidikan dengan syarikat pengeluar kaca iaitu SECUGLASS Sdn Bhd.

Pihak UPNM telah berjaya menguji dan membangunkan kaedah ujian keatas cermin kaca tahan letupan mengikut piawan antarabangsa dan seterusnya memenangi pingat EMAS di ITEX, Kuala Lumpur pada tahun 2015 dan juga pingat Gangsa di Pemeran Penyelidikan Antarabangsa di Seoul Korea pada tahun 2016.



**Konkrit panel tahan letupan yang di cipta dan mendapat patent pertama di UPNM**



# PERALATAN AMARAN KECEMASAN UNTUK PENGGUNA JALANRAYA

*Mampu kurangkan risiko pelanggaran bagi kenderaan rosak*

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) melakar satu lagi kejayaan dalam bidang inovasi untuk bidang keselamatan apabila berjaya mencipta peralatan mudah alih yang merupakan tanda amaran bagi pengguna jalanraya apabila kenderaan mengalami kerosakan. Tanda amaran mudah alih yang diberi nama Easy Deployment Warning Sign dicipta oleh sekumpulan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan, ternyata dapat digunakan di masa kecemasan oleh pemandu kenderaan sama ada lori, kereta dan motosikal. Produk yang sudah dipatenkan ini mendapat pengiktirafan dalam Malaysia Road Conference and Exhibition 2014, Malaysian Technology Expo 2015, International Technology Exhibition 2015 dan Seoul International Invention Fair 2015 dengan dianugerahkan pelbagai pingat termasuk pingat Emas seterusnya membuktikan bahawa inovasi ini mampu dikomersialkan.

Ketua projek yang diketuai oleh Muhamad Azani Yahya berkata, "kenderaan yang mengalami kerosakan selalunya meletakkan tanda amaran segitiga tetapi ini masih mampu dilanggar oleh kenderaan yang datang dari belakang kerana tanda amaran ini rendah dan kurang faktor penglihatan". Paling malang apabila kenderaan yang rosak menggunakan ranting pokok sebagai tanda amaran. Produk mudah alih ini mampu diletakkan di dalam kenderaan kerana ianya ringan, mudah disimpan dan tahan lasak.

Paling unik adalah produk amaran untuk pengguna motosikal. Tiada sebarang inovasi sebelum ini untuk pengguna motosikal yang mengalami kerosakan terutama apabila kerja-kerja penggantian tayar dilakukan di tepi jalanraya mahupun lebuh raya yang amat mengundang bahaya. Tambahan pula kebelakangan ini banyak kenderaan menggunakan lorong kecemasan sebagai langkah memotong kenderaan lain yang merupakan kesalahan jalanraya. Ini mengundang bahaya kepada pengguna jalanraya yang berada di lorong kecemasan. Dengan produk ini, kenderaan lain dapat melihat tanda amaran ini dari jarak yang jauh seterusnya memberi pilihan ke arah mengelakkan kemalangan.

Prinsip asas produk-produk ini direka untuk menambahkan kebolehnampakan seterusnya dapat mengurangkan risiko dan bahaya serta mampu mengurangkan kemalangan jalanraya. Produk mudah alih ini dijangka dapat dikomersialkan dan memberi impak positif dalam isu keselamatan pengguna jalanraya.



“*Produk "Personal Traffic Baton" ini bukan sahaja mampu untuk mengurangkan risiko kemalangan tetapi boleh juga digunakan sebagai alat pengawal lalulintas*”





# Faculty of Engineering

**Vision** To be the premier Engineering Faculty for education, training and knowledge generation in engineering and defence technology.

**Mission** Faculty of Engineering is committed to excellence in serving the nation as a premier Engineering Faculty for leadership and professional development, knowledge generation, dissemination and application in engineering and defence technology.

## Programme Educational Outcomes (PEO)

- PEO 1** Engineers possess positive personal values and decorum
- PEO 2** Competent engineers in the relevant/respective fields
- PEO 3** Engineers possess leadership and professional quality



Bachelor of Civil Engineering  
**ZK01**



Bachelor of Mechanical Engineering  
**ZK08**



Bachelor of Electrical and Electronics Engineering (Communication)  
**ZK25**



Bachelor of Electrical and Electronics Engineering (Power)  
**ZK50**

## Programme Outcomes (PO)

### Technical Knowledge and Competences

<b>PO 1</b>	<b>Engineering Knowledge:</b> Apply knowledge of mathematics, science, engineering fundamentals and an engineering specialization to the solution of complex engineering problems
<b>PO 2</b>	<b>Problem Analysis</b> Identify, formulate, research literature and analyze complex engineering problems reaching substantiated conclusions using first principles of mathematics, natural sciences and engineering sciences
<b>PO 3</b>	<b>Design/Development of Solutions</b> Design solutions for complex engineering problems and design systems, components or processes that meet specified needs with appropriate consideration for public health and safety, cultural, societal, and environmental considerations
<b>PO 4</b>	<b>Investigation</b> Conduct investigation into complex engineering problems using research based knowledge and research methods including design of experiments, analysis and interpretation of data, and synthesis of information to provide valid conclusions
<b>PO 5</b>	<b>Modern Tool Usage</b> Create, select and apply appropriate techniques, resources, and modern engineering and IT tools, including prediction and modeling, to complex engineering activities, with an understanding of the limitations

### Generic Skills

<b>PO 6</b>	<b>The Engineer and Society</b> Apply reasoning informed by contextual knowledge to assess societal, health, safety, legal and cultural issues and the consequent responsibilities relevant to professional engineering practice
<b>PO 7</b>	<b>Environment and Sustainability</b> Understand the impact of professional engineering solutions in societal and environmental contexts and demonstrate knowledge of and need for sustainable development
<b>PO 8</b>	<b>Ethics</b> Apply ethical principles and commit to professional ethics and responsibilities and norms of engineering practice
<b>PO 9</b>	<b>Communication</b> Communicate effectively on complex engineering activities with the engineering community and with society at large, such as being able to comprehend and write effective reports and design documentation, make effective presentations, and give and receive clear instructions
<b>PO 10</b>	<b>Individual and Team Work</b> Function effectively as an individual, and as a member or leader in diverse teams and in multi-disciplinary settings
<b>PO 11</b>	<b>Life-long Learning</b> Recognize the need for, and have the preparation and ability to engage in independent and life-long learning in the broadest context of technological change including defence, security and current issues
<b>PO 12</b>	<b>Project Management and Finance</b> Demonstrate knowledge and understanding of engineering and management principles and apply these to one's own work, as a member and leader in a team, to manage projects and in multidisciplinary environments

## STATISTIK KAKITANGAN FAKULTI KEJURUTERAAN, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA 2016

BIL.	JAWATAN / JABATAN	JKM		JKA		JKEE		PAD		JUMLAH
		SEMASA	CB	SEMASA	CB	SEMASA	CB	SEMASA	CB	
1	JUSA A (VK5)			1						1
2	JUSA B (VK6)	1		1						2
3	JUSA C (VK7)	4		2						6
4	PROFESOR MADYA (DS53+54)	10		3		7				20
5	PENSYARAH KANAN (DS51+52)	10		5		8				23
6	PENSYARAH (DS45)	12	4	9	5	21	7			42
7	TUTOR/PENSYARAH MUDA (DA41)	2	1	1		6	3			9
	<b>JUMLAH (A)</b>	<b>39</b>	<b>5</b>	<b>22</b>	<b>5</b>	<b>42</b>	<b>10</b>			<b>103</b>
8	PEGAWAI PENYELIDIK (Q47)							1		1
9	PEGAWAI PENYELIDIK (Q44)							3		3
10	PENOLONG PENDAFTAR KANAN (N44)							1		1
11	PEGAWAI SAINS (C41)							1		1
13	PEGAWAI PENYELIDIK (Q41)							1		1
14	PENOLONG PENDAFTAR (N41)							1		1
15	PEN. PEGAWAI TADBIR (N29)							1		1
16	PEN. JURUTERA (JA36)							1		1
17	PEN.PEG.TEKNOLOGI MAKLUMAT (FA29)							2		2
18	SETIAUSAHA PEJABAT (N29)							1		1
19	PEMBANTU TADBIR (P/O) N22							1		1
20	PEMBANTU TADBIR (P/O) (N19)	1		1		1		2		5
21	PEM.PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL(DV19)	1				1				2
22	PENOLONG JURUTERA (JA29)	5		5		5				15
23	PEMBANTU AWAM (H11)			1						1
24	PEMBANTU OPERASI (N11)							1		1
	<b>JUMLAH (B)</b>	<b>7</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>0</b>	<b>17</b>		<b>38</b>
	<b>JUMLAH (A+B)</b>	<b>46</b>	<b>5</b>	<b>29</b>	<b>5</b>	<b>49</b>	<b>10</b>	<b>17</b>		<b>141</b>

# SENARAI DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN



1

DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN 2007 - 2008  
PROF MADYA AHMAD FAKRI BIN SHAARI



2

DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN 2008 - 2009  
PROF MADYA IR ZAINAL ABDIN BIN WAN CHIK



3 & 5

DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN  
2009 - 2012 & 2014 - 2016  
PROF. DR. MEGAT MOHAMAD HAMDAN  
BIN MEGAT AHMAD

## SENARAI TIMB. DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN DARI 2007 - KINI

### AKADEMIK

1. PROF DR MEGAT MOHAMAD H
2. KOL. PROF. IR. DR. NORAZMAN
3. LT. KOL. PROF MADYA IR. KHAL
4. PROF MADYA DR RISBY BIN MO
5. LT. KOL. PROF MADYA IR. KHAL
6. PROF MADYA IR NIK GHAZALI B

## SENARAI KETUA JABATAN FAKULTI KEJU

### JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

1. KOL. PROF. IR. DR. NORAZMAN BIN MOHAMAD NOR
2. PROF MADYA IR KAPT NEZA BIN ISMAIL (B)
3. PROF MADYA IR DR. MOHAMMED ALIAS BIN YUSOF
4. ENCIK ZULKIFLI BIN ABU HASSAN
5. ENCIK MUHAMAD AZANI BIN YAHYA
6. PROF MADYA HJ MOHD ASRI BIN MD NOR

### JABATAN KEJURU

1. PROF MADYA IR ZAINAL AB
2. PROF MADYA MEJAR IR NU
3. LT. KOL IR KHALID BIN ABD
4. PROF MADYA DR RISBY BIN
5. PROF IR DR WAN ALI BIN W
6. PROF DR. AIDY BIN ALI
7. LT. KOL. PROF. MADYA KHA

## SENARAI PENOLONG PENDAFTAR KANAN & PENOLONG PENDAFTAR

### PENOLONG PENDA

1. PUAN NUR BARIRAH BINTI AHM
2. PUAN NORZALINA BINTI SAAT
3. ENCIK MUHAMMAD KHAIDZIR E
4. CIK NURUL NORASYILA BINTI DA
5. ENCIK AHMAD SANI BIN ISMAIL



## DEKAN DARI 2007 - KINI



4

DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN 2012 - 2013  
PROF. IR. DR. ARAZI BIN IDRUS



6

DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN 2016 - SEKARANG  
LT. KOL. PROF. IR. MOHAMAD GHANI  
BIN MOHAMAD MADERSAH (B)



**FAKULTI KEJURUTERAAN**  
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

## PENYELIDIKAN DAN SISWAZAH

AMRAN BIN MEGAT AHMAD  
BIN MOHAMAD NOR  
ID BIN ABD. JALIL TUDM  
MOHD SOHAIMI  
ID BIN ABD. JALIL TUDM  
BIN NIK DAUD

1. PROF DR KAHARUDIN BIN DIMYATI
2. LT. KOL. PROF. IR. MOHAMAD GHANI BIN MOHAMAD MADERSAH (B)
3. PROF MADYA DR RISBY BIN MOHD SOHAIMI
4. PROF DR FAISAL BIN HJ ALI

## DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN DARI 2007 - KINI

### JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

ABDUL KADIR BIN WAN CHIK  
ABDUL RAHMAN BIN ABDUL MAJID TUDM  
ABDUL JALIL TUDM  
ABDUL MOHD SOHAIMI  
ABDUL AN MAT

ABDUL RAHMAN HASNI BIN KAMARUDIN

### JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK


1. LT.KOL.PROF.MADYA DR KHAIROL AMALI BIN AHMAD
2. PROF MADYA IR NIK GHAZALI BIN NIK DAUD
3. ENCIK AKRAM BIN ABDUL AZID
4. PROF MADYA DR AZIZI BIN MISKON
5. DR MOHD TAUFIQ BIN ISHAK

### STAF

ABDUL RAHMAN  
ABDUL BIN LOKMAN  
ABDUL ASUKI

### PENOLONG PENDAFTAR KANAN

1. ENCIK MOHD FADHZIL BIN ZAINOL
2. PUAN SHARIN HASLIN BINTI SHAMSUDDIN
3. ENCIK SHARIZAL BIN MANSOR



**CLMV (CAMBODIA, LAOS, MYANMAR, VIETNAM) JOINED RESEARCH PROGRAM WITH UPNM, UPM, USM, UMP AND INSTITUTE FOR ROAD SAFETY CAMBODIA**

Under the CLMV (Cambodia, Laos, Myanmar, Vietnam) research program, JKM and JKA UPNM had joined with researchers from UPM, USM, UMP, UPNM and Institute for Road Safety Cambodia to work on a project entitled Assessing Cambodia's Road Network Vulnerability and Reliability under Road Crash and Natural Disaster Conditions. Several meetings, programs and public lectures had been held in cooperation with local governmental and nongovernmental organisations in the visits to Phnom Penh. Besides, Hazard Perception Test (HPT) program was also conducted during the second visit. The CLMV program aims to establish a long term research and development collaboration among the countries in various areas.




A meeting held at the Ministry of Land, Infrastructure and Transportation Cambodia on 3rd May 2016.



Photo session after HPT program held at Cambodia-Japan Cooperation Center (CJCC) on 24th August 2016.

Hiring tuk-tuk driver to capture video clips of the local traffic condition for HPT program





**PENYELIDIKAN NANOFLUIDS DI JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL**

Penyelidikan dalam nanofluids merupakan bidang tumpuan di kalangan saintis dan penyelidik di serata dunia pada masa kini. Nanofluids merupakan campuran bendalir dan nanopartikel yang mempunyai ciri-ciri thermo-fizikal yang tinggi serta berpotensi untuk menggantikan bendalir penyejuk yang terdapat di pasaran.

Seiring dengan perkembangan ini, beberapa orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) diketuai oleh Dr Leong Kin Yuen telah dan sedang menjalankan penyelidikan dalam bidang ini. Beberapa geran penyelidikan dari Kementerian Pengajian Tinggi telah berjaya diperolehi. Penyelidikan yang dijalankan adalah berfokus kepada pengkajian kestabilan, ciri-ciri thermo-fizikal dan optik serta aplikasi nanofluids dalam sistem terma.

Hasil daripada kajian-kajian ini telah berjaya diterbitkan di jurnal-jurnal berimpak tinggi seperti Thermal Science, International Communications in Heat and Mass Transfer, Renewable and Sustainable Engineering Review dan Heat and Mass Transfer. Bagi memantapkan lagi penyelidikan dalam bidang ini, para penyelidik ini mula memberi perhatian khusus dalam penghasilan dan pengujian hybrid nanofluids.



Peralatan-peralatan yang digunakan untuk pengujian nanofluids



## Kursus Pengendalian Ultra-High Resolution Field Emission Scanning Electron Microscope With Energy Dispersive Spectrometer (FESEM/EDX)

Kursus pengendalian peralatan Ultra-High Resolution Field Emission Scanning Electron Microscope With Energy Dispersive Spectrometer (FESEM/EDX) telah diikuti di Oberkochen, Jerman bermula pada 9 November hingga 13 November 2015. Kursus ini telah dibiayai oleh Syarikat Carls Zeiss Sdn Bhd (M) selaku pembekal peralatan.

Kursus ini telah dijayakan dengan penyertaan 3 orang kakitangan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal iaitu Dr Raja Nor Izawati, Dr Ku Zarina dan Encik Zazlin. Peralatan FESEM/EDX digunakan dengan meluas untuk menjalankan analisis kualitatif dan kuantitatif dengan pengimejan dan pengesanan komposisi sampel yang terdiri daripada pelbagai jenis logam, polimer, seramik, kaca dan komposit. Kursus ini dihadiri bertujuan untuk memantapkan ilmu pengetahuan peserta terhadap prinsip penggunaan dan

pengendalian peralatan FESEM/EDX dengan berpandukan konsep teori dan praktikal serta kemahiran yang diperlukan memandangkan peralatan ini merupakan model dan teknologi terkini keluaran Carl Zeiss pada tahun 2015.


Pada hari pertama kursus, peserta didedahkan kepada pengetahuan asas meliputi prinsip operasi serta aplikasi peralatan FESEM/EDX dan software SmartSEM meliputi pelbagai bidang penyelidikan. Pada hari-hari seterusnya, peserta telah didedahkan dengan pengendalian peralatan ini secara hands-on.

Peserta berpeluang untuk menganalisis sample yang dibawa dari UPNM yang terdiri daripada sample polimer, komposit dan kaca. Sepanjang kursus, kakitangan Carls Zeiss iaitu Dr Magdalena Eder telah memberi kaedah dan tips untuk mengoptimumkan parameter yang

terdapat di dalam FESEM untuk penambahbaikan kualiti imej semasa menjalankan analisis kualitatif ke atas sampel. Selain pengimejan, peserta juga diperkenalkan dengan peralatan EDX yang digunakan untuk analisis kuantitatif komposisi unsur-unsur dalam sampel. Peserta telah diperkenalkan penggunaan teknik EDX dalam mengenalpasti komposisi sample.

Setelah selesai menjalani latihan pengendalian alat, peserta kini telah mampu mengendalikan peralatan ini yang dijangka berpuas-puas memacu dana kepada fakulti. Buat masa ini, promosi dalaman telah diadakan meliputi fakulti sekitar UPNM.

**Sebarang pertanyaan berkenaan perkhidmatan, sila hubungi Dr Raja Nor Izawati di talian 03-90513400 sambungan 4680 ataupun email kepada izawati@upnm.edu.my**



## 4 PEGAWAI PENYELIDIK DIHANTAR KE INSTITUT SUPÉRIEUR DE L'AÉRONAUTIQUE ET DE L'ESPACE (ISAE)

Pada awal September yang lalu, 4 orang pegawai penyelidik telah memamatkan pengajian peringkat sarjana di *Institut Supérieur de l'Aéronautique et de l'Espace* (ISAE), Toulouse, France. Program ini telah berjalan selama 2 tahun bermula September 2014 sehingga September 2016. Program ini merupakan hasil kerjasama antara pihak UPNM dan pihak ISAE kesinambungan daripada program *offset* pembelian helicopter EC 725.

Antara pegawai penyelidik yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Mej Nurul Izzah Hidayah bt Abdullah TUDM - *Aircraft Mechanics and Avionics*.
2. Kapt Zuhairi bin Abdul Rashid - *Aeronautical and Space Systems*.
3. Lt.Kdr Norzaima bt Nordin TLDM - *Aircraft Mechanics and Avionics*.
4. Kapt Ahmad Hamizi bin Ahmad Kamal TUDM - *Aircraft Mechanics and Avionics*.



Bersama Pengarah Program Sarjana, Didier Delorme dan Claire Wallez

## Lawatan Sambil Belajar Pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam

Kilim Geopark, Langkawi, Machinchang - Cambrian Langkawi & Pusat Penyelidikan Mineral, Muzium Geologi, Perak  
17-19 Oktober 2016

Lawatan ini diadakan untuk memberi pendedahan dan gambaran kepada para pelajar berkenaan bidang kejuruteraan geologi dengan melawati pusat, tempat dan tapak-tapak geologi berkaitan.

La bertujuan supaya pelajar yang mengambil kursus Geologi Kejuruteraan dapat memahami pembelajaran yang berbentuk teori di dalam kelas dengan lebih jelas menerusi lawatan sambil belajar ke tempat-tempat berkaitan.

Penglibatan adalah seramai 40 orang pelajar tahun dua dan 3 orang pensyarah pengiring.



# HIGH-SPEED AERODYNAMICS WORKSHOP

## Glasgow, United Kingdom



On the 14th - 22nd May 2016, Dr. Mohd Rashdan bin Saad from the Department of Mechanical Engineering was invited to present his research findings in the "High Speed Aerodynamics Workshop" held at University of Glasgow, United Kingdom. The workshop was organised by the Aerospace Sciences Division, School of Engineering, University of Glasgow.

10 researchers from all around the world were invited to present their findings in this workshop. The theme of the workshop was on flow physics of shock boundary layer interactions (SBLI) control occurring in high-speed flows for instance supersonic and hypersonic flows. Results from successful investigations were presented on the flow control techniques to control SBLI induced separation.

Dr. Rashdan presented his findings on the use of micro-vortex generator, a small passive flow control device capable of controlling SBLI separation by generating multiple streamwise vortices to energise the flow at the near wall region, hence suppressing boundary layer separation. Apart from the presentation sessions, the participants were also invited to visit the outstanding national wind tunnel facilities available at the University of Glasgow which consists of 4 low-speed wind tunnels of various sizes test sections and three high-speed tunnels with maximum Mach number of 7.



Standing inside the test section of The De Havilland Tunnel (National Wind Tunnel Facility) of 2.7 X 2.1 m cross-section with a maximum speed of 70 m/s at the University of Glasgow.

The view of University Avenue, the main street at the University of Glasgow.




Entrance to the School of Engineering, University of Glasgow.

# PERALATAN BARU DI JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL, FAKULTI KEJURUTERAAN

Sepanjang tempoh 1Dekad UPNM ini, UPNM telah menerima beberapa kemasukan mesin-mesin baru yang berteknologi tinggi yang telah dibeli melalui Fakulti Kejuruteraan UPNM. Kesemua mesin yang telah dibeli ini ditempatkan di beberapa makmal utama kejuruteraan di UPNM, iaitu Makmal Bahan, Makmal Fabrikasi, Makmal Termodinamik serta Makmal Maritim di Pusat Maritim. Kemasukan mesin yang berteknologi tinggi ini diharapkan dapat meningkatkan keupayaan dan kualiti dalam penyelidikan di kalangan pensyarah mahupun pelajar Fakulti Kejuruteraan di UPNM.

Diantara mesin yang berteknologi tinggi yang telah dibeli adalah mesin Simultaneous Thermal Analyzer (STA) yang berkeupayaan menganalisis komposisi sesuatu bahan, ramalan jangka hayat spesimen dan kajian thermal pada spesimen. Selain itu, mesin Dynamic Mechanical Analyzer juga berkeupayaan dalam mengkaji sifat visco-elasticity bahan polimer untuk sesuatu spesimen.


Bagi para penyelidik yang memerlukan kajian antara permukaan bahan spesimen, Makmal Bahan UPNM juga ada menyediakan FESEM, sebuah mesin yang berteknologi tinggi dan terkini serta sangat sensitif, yang mampu menghasilkan keputusan yang bagus dan tepat dalam mengkaji sifat permukaan bahan. Ketiga-tiga mesin ini ditempatkan di Makmal Bahan UPNM.



Simultaneous Thermal Analyzer



FESEM



Servohydraulic Fatigue Machine



Drop Impact Test



Wind Tunnel Machine

Makmal Termodinamik juga tidak ketinggalan untuk menerima kemasukan 2 buah mesin berteknologi tinggi dan terkini iaitu Servohydraulic Fatigue Machine dan Drop Impact Test Machine. Servohydraulic Fatigue Machine mempunyai keupayaan untuk menguji beban tetap (logam, polimer dan komposit) secara berulang kali sehingga jutaan kali ulangan.


Mesin Drop Impact Test pula amat sesuai untuk dilakukan ujian impak pada sesuatu spesimen, ini termasuklah ujian impak tegasan, ujian penembusan pada plat atau filem, ujian Izod dan juga ujian Charpy. Makmal Fabrikasi juga turut ditempatkan mesin Wire Cut, sebuah mesin pemotong/pembentuk yang berprestasi tinggi yang menggunakan pemotongan secara wayar dalam menghasilkan sesuatu spesimen yang bermutu, tepat serta jitu.

Makmal Maritim di Pusat Maritim telah ditempatkan beberapa mesin utama berprestasi tinggi, diantaranya ialah mesin CNC dan juga mesin Subsonic Wind Tunnel. Selain itu, mesin Milling dan juga mesin 3D- Printer juga ditempatkan di Makmal Maritim.


Keupayaan mesin CNC dan mesin Milling ini adalah mampu untuk digerakkan dalam 3-axis utama bagi mesin CNC dan 5-axis utama bagi mesin Milling. Justeru itu, kerja pemotongan, pembentukan dan sebagainya dapat dilakukan dengan lebih jitu dan tepat.

Selain daripada mesin CNC dan mesin Milling, mesin Wind Tunnel juga turut ditempatkan di tingkat bawah bangunan Pusat Maritim. Mesin Wind Tunnel ini mempunyai keupayaan dalam melakukan kajian terhadap kesan atau pengaruh aliran udara terhadap objek pepejal. Tambahan lagi, saiz ruang kajian wind tunnel ini adalah sebesar 0.3 m X 0.3 m X 1.0 m dengan kelajuan angin bermula daripada 0.5 m/s sehinggalah 105 m/s. Kajian aerodinamik lain pula termasuklah bacaan lift, drag, moment dan juga pergerakan angin dapat dilihat menggunakan smoke visualization.

Sempena 1Dekad UPNM ini, pihak FKJ UPNM telah bersetuju untuk berkongsi kepada pihak luar terutamanya kepada golongan pelajar dan penyelidik yang berada di sekitar Lembah Klang mengenai kemudahan-kemudahan mesin berteknologi tinggi di UPNM. Sehubungan itu, sekiranya terdapat mana-mana pihak yang berminat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan ini, bolehlah menghubungi pejabat FKJ UPNM di talian 03-90513400 sambungan 4549/4539.



CNC Machine (3 - Axis)



Dynamic Mechanical Analyzer

# STUDENTS ACTIVITIES

## DEPARTMENT OF ELECTRICAL & ELECTRONICS ENGINEERING

Year	Competition	Venue / Host	Achievement
29-30 April 2015	Defence, Security and Sustainability 2015 (DSS2015) Colloquium & Exhibition	Dewan Lestari UPNM / Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI)	Gold
1 Dec. 2014	Motorola's Moto Innocup (Figure 6.3)	INTI Int. College Penang / MOTOROLA	2nd Runner-Up
3-4 June 2014	Kolokium dan Pameran Penyelidikan dan Inovasi UPNM	Foyer Bestari UPNM / Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI)	1 Gold and 1 Silver
8-10 May 2014	ITEX'14	KLCC / Malaysian Invention & Design Society (MINDS)	Silver
20-22 Feb. 2014	Malaysia International Technology Expo (MTE)	PWTC / Malaysian Association Of Research Scientists (Mars)	Bronze



**PROGRAM : Engineer Society Rumah Anak Yatim Baitulhidayah, Puchong.**  
**MASA : 21 Mei 2016(Sabtu)**  
**PENGLIBATAN : 20 Mahasiswa**



Second Runner-up in Motorola's Moto Innocup 2014

No.	Date of Visit	Locations of Industrial/Academic Visit
1.	12 October 2015	Satellite Earth Station, Beserah, Kuantan
2.	12 November 2014	Satellite Earth Station, Beserah, Kuantan
3.	12 April 2014	Optical Communication Laboratory, Faculty of Engineering, UTM
4.	15-16 April 2014	School of Computer & Communication Engineering, Faculty of Engineering, UNIMAP



Innovation Technology Expo Intex16  
 DETAR PUTRA UNIMAS  
 23-24 May 2016  
 3 projek dibawa untuk pertandingan.



Majlis Makan Bersama Pelajar  
 Tarikh: 24/05/2016  
 Tempat: Dewan Pendekar



Keysight's Selangor Local Calibration Center Visit  
 Tarikh: 23 November 2016  
 Tempat : KEYSIGHT TECHNOLOGIES MALAYSIA, DAMANSARA UPTOWN, PETALING JAYA, 47400, PETALING JAYA, SELANGOR, 47300, MALAYSIA



10 oktober 2016 Lawatan sambil belajar ke Stesen Janaelektrik di Cameron Highland



Program Jalanan Ilmu IPTA bersama Sek. Men. Teknik Kuala Lumpur pada 7 Mei

30  
 FKJ Sedekad



# STUDENTS ACTIVITIES

DEPARTMENT OF ELECTRICAL & ELECTRONICS ENGINEERING

## JKEE Capstone Expo 2016 (3ZK25 & 3ZK50)

30 Mei 2016 Lobi Bangunan Bestari

### Penglibatan:


100 orang dimana terdiri daripada 51 orang pelajar (13 kumpulan) dan 49 orang kakitangan UPNM.



Majlis Perasmian oleh Ketua Jabatan JKEE, Dr. Mohd Taufik Ishak.



Booth Pelajar



Perbincangan antara pelajar dan penilai.



Salah satu projek yang dibuat.



Projek: Automatic Light Switch

Creating A Light Switch Solution Which Is Intended To Converse Energy By Automatically Turning The Room Lights Off When No One Is Present In The Room



Komen diberikan oleh penilai.



Majlis penyempatan hadiah.

# STUDENTS ACTIVITIES

## DEPARTMENT OF CIVIL ENGINEERING



**01** Lawatan pelajar tahun 3 JKA ke Pameran International Construction Week – April 2016



**02** Lawatan sambil belajar pelajar kursus ECB 2223 Water Supply and Sewerage ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Batu, Gombak pada 21 Mac 2016.



**03** Lawatan Pelajar kursus ECB5123 Nuclear, Biological and Chemical Contamination (NBCC) dan Pensyarah JKA ke Pusat Pertahanan Nuklear Biologi dan Kimia 3 Div, Kem Terendak, Melaka pada 14 Disember 2016



**04** Lawatan pelajar kursus Environmental Engineering ke International Greentech Eco Products Exhibition 2016 di KLCC pada 8 Oktober 2106



**05** Penyertaan pelajar dalam Nuclear Youth Congress 2015 dan lawatan ke UTM



**06** Penyertaan Kakitangan dan pelajar di ITEX 2016



**07** Penyertaan 1 iIdea Competition di UiTM perlis pada 27 April 2016



# STUDENTS ACTIVITIES

## DEPARTMENT OF CIVIL ENGINEERING



08 Annual Dinner JKA 2016 di Tasik Titiwangsa



11 Lawatan ke Sky Bridge KLCC – April 2010



13 Kempen Keselamatan Jalanraya Petron yang dianjurkan oleh Fakulti



14 Lawatan ke Muzium Geologi Ipoh Perak – Ogos 2013



09 Memenangi tempat pertama dalam Concrete Art Playground di KLCC pada April 2016



12 Majlis Makan tengahari bersama pelajar bergraduat intake 2007 – Februari 2012



15 Penyertaan pelajar JKA dalam pertandingan Highest Early Strength Concrete Cube Competition 2013 – April 2013



10 Lawatan ke tapak membaik pulih struktur konkrit



16 Penyertaan pelajar dan pensyarah dalam 9th Malaysia Road Conference – November 2014



# STUDENTS ACTIVITIES

## DEPARTMENT OF MECHANICAL ENGINEERING

Engineering students are encouraged to be involved actively in both academics-related activities and non-academics activities. Therefore the students will not only excel academically but also are exposed to skills beyond the classroom environment.

The department has always include various activities such as academic visit, professional talk and getting involved in engineering related competition in the yearly academic sessions.



**01** Visit to Kenyir Dam, Terengganu (14 - 16 November 2014). Student are exposed to on the operations, management and engineering applications of various mechanics and design.



**02** Visit to Juajasa Sdn Bhd, Petaling Jaya (11 March 2015). Juajasa is a 3-D printer manufacturer and students were exposed on the applications of such equipment.



**03** LIMA 2015, Langkawi (18 - 20 March 2015). This a good platform to introduce defence engineering and technology to UPM students especially on the latest advancement of aeronautical, maritime and weapon technologies.



**04** Motivation Workshop in Kem Kongkoi, Negeri Sembilan (20 - 21 Mac 2015). Few motivation programmes were conducted to improve students' academic performance.



**05** Visit to Boh Tea Company in Cameron highland (23-24 May 2015). The visit to Boh Tea factory has given some insight on the operations, management and engineering applications in a factory. Due to the age of the factory, students had the privilege to look into older process manufacturing technologies that are still in use in many parts of the world.



**06** Visit to Army 74 Workshop Division, Kem Perdana Sg Besi (02 June 2015). Students were exposed to the operations and current technologies of military equipment and maintenance.



**07** Visit to IJED Port Dickson (20 October 2016). Students were exposed to fabrication and hands-on activities that are always going on at IJED.



**08** Our third year students' achievement at NISCC on 16th November 2016; 1 Gold medal, 4 Silver medals and 5 Bronze medals. The Gold medal was won by Smart Weapon Monitoring System's team; Muhammad Ariff bin Md Puad, Muhammad Haiqal Afiq bin Mohd Nadri and Norazman bin Pauzi.

# KALAU FKJ TIDAK BUAT RANCANGAN SENGGARAAN ASET ALIH NYA... MAKA ASET ALIH NYA YANG AKAN BUATKAN!

Oleh : Lt Kol Prof Madya Ir. Dr Hj Muhamad bin Hj Murrad

**ASET ALIH** bermaksud aset atau peralatan yang boleh dipindahkan atau dialihkan dari satu tempat ke tempat lain secara mudah termasuk aset yang dibekalkan bersekali dengan penyediaan bangunan atau infrastruktur lain.

Kumpulan aset alih:

**HARTA MODAL** – Aset Alih yang harga perolehan asalnya RM3,000.00 dan ke atas setiap satu.

**INVENTORI** – Aset Alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM3,000.00 setiap satu (termasuk perabot dan hiasan tanpa mengira harga perolehan asal).

Definisi Dewan Bahasa Pustaka:

*Maintainability*–Kebolehsenggaraan, *Reliability*–Kebolehpercayaan, *Availability*- Kebolehsediaan, *Failure*-Kegagalan

Anda sudah tentu 'masak' dengan bagaimana FKJ melaksanakan kewajibannya menyelenggara Aset Alih yang telah dibuat perolehan sejak 2008 sehingga 2016, jumlah keseluruhan bernilai RM33,073,240.81 bagi harta modal (1056) dan RM874,588.30 bagi inventori (336), kedudukan terperinci kuantitinya berakhir 01 Oktober 2016. Kini FKJ memiliki harta modal dengan julat harga terendah kepada termahal mengikut jabatan.

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Jumlah
Harta Modal	66	56	27	71	69	84	237	143	303	<b>1056</b>
Inventori	13	27	6	46	31	46	20	48	99	<b>336</b>

Kedudukan Kuantiti Harta Modal dan Inventori FKJ

Jabatan	Tarikh Perolehan	Nama Aset Alih	Makmal	Harga (RM)
JKA	14 Okt 2009	Turbidity meter	Alam Sekitar	3,000.00
	19 Dis 2015	High speed blasting camera	Hidraulik	441,900.00
JKM	3 Nov 2011	Desktop PC	Bahan	3,000.00
	29 Dis 2015	FESEM	FESEM	2,294,500.00
JKEE	31 Dis 2012	Fluke multimeter	eCAD	3,090.00
	29 Apr 2016	AC/DC System SAMGOR	Voltan Tinggi	991,885.00

Contoh Harta Modal Daripada Harga Terendah/Tertinggi Dimiliki JKA/JKM/JKEE




Kita juga tahu untuk menentukan aset di atas sentiasa berada pada peratus atau faktor *availability* tinggi bukanlah suatu yang mudah. Walaupun FKJ diberi peruntukan kewangan yang memadai, masalah yang sering berlaku di peringkat atasan ialah kelewatan kelulusan kewangan, kontrak pembekalan alatganti tamat, prestasi pembekal, perkara dasar/polisi, dan lain-lain. Manakala masalah yang sering diutarakan di peringkat makmal ialah tempoh pembaikan lama, kerap rosak, usia peralatan lanjut, tiada fasilitas, lewat perolehan alatganti, kurang Penolong Jurutera, tiada kepakaran dan lain-lain. Permasalahan itu boleh mengugat peratus *maintainability* dan *reliability*, yang mana akhirnya *availability* terjejas. Bagaimana *availability* boleh terjejas, Jadual 3 mempunyai erikatanya yang tersendiri.

<i>Reliability</i> (Keberangalian aset tidak akan gagal)	<i>Maintainability</i> (Keberangalian aset dipulih selepas gagal)	<i>Availability</i> (Keberangalian aset boleh berfungsi)
— Tetap	▼ Menurun	= ▼ Menurun
▼ Menurun	— Tetap	= ▼ Menurun
— Tetap	▲ Meningkatkan	= ▲ Meningkatkan
▲ Meningkatkan	— Tetap	= ▲ Meningkatkan

Jadual 3: Kaitan *Reliability*, *Maintainability* dan *Availability*

Anda kini boleh merumuskan apabila *reliability* semakin menurun, peningkatan *maintainability* perlu untuk mencapai sasaran *availability* tertentu. Praktikalnya apabila *reliability* semakin meningkat, *availability* yang sama masih boleh tercapai walaupun *maintainability* tidak lagi menjadi begitu penting. Dalam dunia senggaraan, *reliability* dan *maintainability* perlu berganding bahu dalam usaha untuk mencapai *availability* aset yang disasarkan. Salah satu faktor penghalang utama sasaran ini ialah KEGAGALAN - ketidakupayaan sesuatu aset untuk berfungsi seperti dikehendaki. Apabila aset alih FKJ mencapai *availability* lebih rendah dari yang disasarkan, kadangkala anda sering tertanya-tanya; Apa kaitan kegagalan dengan *availability* aset? Adakah kegagalan boleh diatasi dengan strategi senggaraan FKJ masakini?



Rajah 1: Corak atau *Pattern* kegagalan peralatan. Sumber: EMS(UK) Ltd. (2007)


